

Pengajaran sains perlu diubah: PM

U.M. - 4 JUL 1992

KUALA LUMPUR, Jumaat — Tatacara pengajaran sains dan kejuruteraan di institusi pengajian tinggi mungkin perlu diubah dengan memberi latihan amali kepada pelajar sebelum mereka diajar teori dan prinsip, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kebanyakan pelajar lebih mudah faham jika mereka dilengkapkan dengan mata pelajaran secara fizikal.

"Sehubungan itu, institusi pengajian tinggi perlu memodenkan pendidikan sains dan kejuruteraan selaras dengan perubahan masa.

"Universiti dan institusi pengajian lain mesti menyediakan pendidikan berterusan dan latihan semula bagi melahirkan jurutera yang lebih berwibawa," katanya merasmikan majlis makan malam tahunan Lembaga Jurutera Malaysia di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata, menjelang 2000, kira-kira 56,600 jurutera diperlukan berbanding 26,500 pada 1990, iaitu meningkat 9.8 peratus setiap tahun.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, jurutera

Malaysia perlu menumpu kepada pemindahan teknologi kerana ia hanya berjaya dilaksanakan jika ada kesungguhan untuk menerimanya.

Katanya, pemindahan teknologi boleh dilaksanakan jika jurutera tempatan yang bersikap sebagai pemerhati cekap dan teliti serta sentiasa menambah pengetahuan mengenai teknologi mutakhir.

Tiada gunanya menyalahkan pihak asing yang keberatan memindahkan teknologi mereka kepada kita. Perlu disedari bahawa kita sendiri tidak berminat memindahkan teknologi kita kepada orang lain, terutama sains kita.

"Oleh itu, jurutera mesti bersedia menggunakan pengetahuan dan pengalaman bagi meningkat kepakaran mereka setiap masa. Tiada sesiapa yang akan membimbing kita sepanjang perjalanan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, penyelidikan dan pembangunan (R&D) juga perlu diperkemas, khususnya memastikan ia tidak menjadi amalan akademik saja kerana ia adalah sains gunaan yang berhubung kait dengan

matlamat organisasi.

Katanya, R&D hanya berguna jika semua pihak mempunyai sikap yang sesuai terhadap hasil kajian dan penyelidikan.

"Diketahui umum bahawa walaupun semua penyelidikan asal dijalankan di Barat, Jepun yang mendapat faedah pelaksanaan hasil R&D," katanya.

Dr Mahathir berkata, kejuruteraan di bidang gas dan minyak perlu diberi tumpuan khusus kerana timbul masalah kepakaran kejuruteraan tidak selaras dengan pertumbuhan pesat sektor itu.

Beliau turut menasihatkan jurutera tempatan supaya menjadi perintis dalam usaha mengatasi masalah pengeluaran asap kenderaan kerana ia dapat mengelak daripada sekadar membeli peralatan antipencemaran dari Barat.

"Kita tidak patut menyalahkan Barat kerana patut untung daripada keseimbangan terhadap masalah alam sekitar di jagat. Jurutera tempatan patut mengkaji punca enjin yang mengeluarkan banyak asap dan mencari jalan mengatasi masalah itu," katanya.